

02/07/1999

Rakyat bantu negara terus cemerlang

M Thillinadan; Norfatimah Ahmad

GEORGETOWN, Khamis - Sokongan majoriti dua pertiga dalam setiap pilihan raya umum membolehkan Perikatan, dan kemudian Barisan Nasional (BN), mengekalkan rekod cemerlang dalam melaksanakan pelbagai rancangan pembangunan sosioekonomi, keselamatan dan perpaduan rakyat sejak kemerdekaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Perikatan dan BN juga berjaya menangani pelbagai usaha dari dalam serta luar negara untuk menggagalkan sesuatu projek atau ancaman keselamatan kerana sokongan luar biasa itu.

Antaranya, konfrontasi dengan Indonesia, mengatasi rusuhan kaum (1969), kegawatan ekonomi (1981-1982), menamatkan ancaman Parti Komunis Malaya (1991), dan kegawatan ekonomi (1997-1998).

Kerajaan BN juga berjaya menukar status Malaysia daripada negara pertanian kepada perindustrian dan kini menuju era teknologi maklumat, katanya.

Contoh lain, kata Perdana Menteri, ketika kerajaan hendak membina Jambatan Pulau Pinang 15 tahun lalu dengan kos RM800 juta, beliau dikecam dan ditohmah pelbagai pihak kerana didakwa membazir wang.

"Tetapi jika dilihat sekarang jambatan itupun sudah tidak dapat menampung keperluan penduduk negeri ini. Ketika itu, saya teruskan juga (projek itu) kerana rakyat yang memberi kepercayaan dua pertiga, tentu membenarkannya.

"Begitu juga projek lebuhraya tol sekarang. Pembangkang adakan tunjuk perasaan membantah bayaran tol, tetapi kerajaan sekali lagi tidak mempedulikan mereka kerana tahu rakyat bersama BN.

"Kerajaan meneruskan juga walaupun dibantah kerana kajian menunjukkan kemalangan di lebuhraya hanya 10 peratus berbanding jalan lama (biasa). Kerajaan mahu menyelamatkan rakyat daripada maut dalam kemalangan," katanya pada Perhimpunan Pemimpin Bersama Rakyat di Stadium Tertutup Pisa di sini, malam ini.

Majlis itu dihadiri kira-kira 10,000 orang mewakili pelbagai parti komponen BN dan pertubuhan.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon; Menteri Penerangan, Tan Sri Mohd Khalil Yaacob dan bekas Ketua Menteri, Tun Dr Lim Chong Eu.

Perdana Menteri kini dalam rangka lawatan kerja dua hari ke Pulau Pinang.

Menurut Dr Mahathir, kadar tol di Malaysia adalah yang terendah di dunia.

Sebagai bandingan, beliau berkata, kadar tol untuk sebuah jambatan di Jepun (jaraknya kurang daripada Jambatan Pulau Pinang) ialah RM300 sehalu, manakala Jambatan Pulau Pinang hanya RM7.

Perdana Menteri berkata, BN juga dapat menggubal sesuatu undang-undang yang baik untuk rakyat, walaupun mendapat bantahan pembangkang kerana sokongan majoriti di Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri.

"Kita juga teruskan sesuatu projek seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (untuk 100 tahun), Putrajaya dan Cyberjaya (bandar raya masa depan), walaupun ada bantahan kerana kita berpandangan jauh berpandukan Wawasan 2020, manakala parti pembangkang berpandangan cetek hanya setakat pilihan raya.

"Yang penting, BN tidak terpesong kerana kritikan atau bantangan

membuta tuli mana-mana pihak. Oleh kerana BN kuat dan ada sokongan dua pertiga, boleh mengambil tindakan tanpa takut kepada parti lawan," katanya.

Bagaimanapun, beliau memberi amaran rekod pencapaian itu tidak mungkin dapat dikekalkan jika BN gagal mendapat dua pertiga undi dalam pilihan raya akan datang.

(END)